



PERNIAGAAN SANITASI BAAYAH

RANCANGAN PERNIAGAAN

Nama calon	SITI NURBA'AYAH BINTI ABDUL AZIZ
Angka giliran SPM	AA001A040
Kelas	5 AKTIF
Tarikh serah RP	13 DISEMBER 2021
Guru pentaksir	PN. NORASHTURA BINTI AHMAD

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah ini dimiliki oleh Siti NurBa'ayah Binti Abdul Aziz . Perniagaan ini adalah perniagaan milikan tunggal dan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan bernombor 5430541H . Perniagaan ini beralamat No. 25 , Jln Baldwin 2 , Pusat Perniagaan Baldwin , 35000 Tapah , Perak . Kelebihan perniagaan ini ialah mendapat diskaun setiap perkhidmatan yang ditempah oleh pelanggan . Perniagaan ini menawarkan perkhidmatan sanitasi di hospital , pejabat , rumah kediaman dan lain-lain . Perniagaan ini beroperasi setiap hari kecuali pada hari minggu atau cuti umum . Perkhidmatan ini melibatkan kawasan Tapah , Teluk Intan dan Kampar .

Trend persekitaran bagi perniagaan milikan tunggal ini ialah dapat membuatkan perniagaan terus maju dan mampu berdaya saing dengan perniagaan perkhidmatan sanitasi yang lain . Tujuan saya menyediakan rancangan perniagaan ini kerana di sekitar kawasan Tapah ini tidak banyak yang membuka perniagaan sanitasi . Selain itu , di musim pandemik COVID-19 masalah seperti udara tidak bersih dan pengaliran udara tidak baik menyebabkan saya ingin membuka perniagaan ini .

Pada peringkat awal penubuhan perniagaan , sebanyak RM30 000 disediakan sebagai modal perniagaan bagi membiayai kos pembelian bahan dan alatan untuk membuat bancuhan saniasi . Modal pembiayaan dalaman sebanyak RM30 000 iaitu simpanan sendiri dan modal pembiayaan luaran sebanyak RM120 000 iaitu pinjaman AGRO BANK . Jumlah modal iaitu simpanan sendiri dan pinjaman bank ditambah dan didarabkan dengan 20% dan mendapat jumlah RM30 000 iaitu jumlah simpanan sendiri . Saya memilih sumber pembiayaan tersebut kerana dapat membantu saya melancarkan perniagaan saya dan mendapat faedah yang rendah . Tujuan saya memohon pinjaman adalah untuk membeli aset dan alatan pejabat .

Saya memilih perniagaan ini kerana tidak semua masyarakat di luar sana mampu membeli mesin penapis udara . Tambahan , pada musim pandemik COVID-19 ini permintaan masyarakat terlalu tinggi . Oleh sebab itu , perkhidmatan sanitasi ini membuka peluang kepada saya untuk mengembangkan perniagaan saya . Selain itu , bahan-bahan yang saya gunakan telah mendapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan . Perkhidmatan sanitasi ini bukan sahaja di musim pandemik ini malah sebelum pandemik menular juga saya telah menawarkan perkhidmatan ini kepada sesiapa yang menghadapi masalah pengaliran udara . Seterusnya , perkhidmatan ini menawarkan harga yang berpatutan .

Visi , Misi dan Objektif

Untuk melancarkan dan memudahkan aktiviti perniagaan yang dijalankan , Perniagaan Sanitasi Ba'ayah juga telah menetapkan visi , misi dan objektif organisasi perniagaan :

Visi

- Kami ingin pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang kami jalankan .
- Ramai pelanggan yang berniat untuk menggunakan perkhidmatan kami .

Misi

- Menambah baik perkhidmatan .
- Meningkatkan jumlah pelanggan yang menggunakan perkhidmatan kami .

Objektif

- Perkhidmatan yang berdaya saing dengan pesaing .

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Pengenalan	1
2.	Latar Belakang Perniagaan	2
3.	Latar Belakang Pemilik	3
4.	Rancangan Pentadbiran/Organisasi	4
5.	Rancangan Operasi	8
6.	Rancangan Pemasaran	21
7.	Rancangan Kewangan	29
8.	Penutup	35
9.	Lampiran	36

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah beroperasi di alamat No. 25 , Jln Baldwin 2 , Pusat Perniagaan Baldwin , 35000 Tapah , Perak . Perniagaan ini merupakan jenis milikan tunggal . Perniagaan Sanitasi Ba'ayah menawarkan pelbagai perkhidmatan sanitasi seperti perkhidmatan sanitasi di hospital , pejabat , rumah kediaman dan lain-lain . Kini , masalah pandemik COVID-19 telah berleluasa dan menyebabkan ramai orang memerlukan perkhidmatan sanitasi ini untuk menjamin keselamatan mereka . Tujuan menyediakan rancangan kewangan ialah untuk menawarkan harga yang berpatutan kepada pelanggan dan seterusnya dapat memenuhi kepuasan hati pelanggan . Perniagaan Sanitasi Ba'ayah telah menyuntik modal tunai ke dalam perniagaan sebanyak RM30 000 yang diperolehi daripada simpanan pemilik perniagaan . Pada peringkat awal penubuhan perniagaan , modal tunai tersebut digunakan bagi membiayai kos pembelian bahan dan beberapa aset atau peralatan . Perniagaan Sanitasi Ba'ayah telah memohon pinjaman berjumlah RM 120 000 dari AGRO BANK . Tujuan memohon pinjaman bagi Perniagaan Sanitasi Ba'ayah ialah untuk membeli kelengkapan dan peralatan tambahan bagi operasi perniagaan . Selain itu , tujuan memohon pinjaman juga untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan seterusnya meluaskan perniagaan secara besar-besaran .

2.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

BUTIRAN	MAKLUMAT
Nama Perniagaan	Perniagaan Sanitasi Ba'ayah
Alamat Premis Perniagaan	No. 25 , Jln Baldwin2 , Pusat Perniagaan Baldwin , 35000 Tapah , Perak
Nombor Telefon dan Faks	012-243 5112 / 03-4115 3832
Emel / FB	Perniagaansanitasibaayah@gmail.com
Bentuk Milikan Perniagaan	Milikan Tunggal
Kegiatan Utama Perniagaan	Perkhidmatan Sanitasi
Tarikh Pendaftaran Perniagaan	1 Jun 2021
Tarikh Mula Perniagaan	1 Ogos 2021
No. Pendaftaran Perniagaan (SSM)	5430541H
Modal: i)Pembiayaan Dalaman	RM30 000
ii)Pembiayaan Luaran	RM120 000
Modal Keseluruhan	RM150 000
Sumber Pembiayaan	Simpanan Sendiri dan Pinjaman Bank
Nama Bank	AGRO BANK
Nombor Akaun	001450011988


3.0 LATAR BELAKANG PEMILIK

BUTIRAN	MAKLUMAT
Nama Penuh	Siti NurBa'ayah Binti Abdul Aziz
No. Kad Pengenalan	980905-08-0508
Tarikh Lahir/Umur	05 September 1998 / 23 Tahun
Status Perkahwinan	Bujang
Alamat Rumah	No. 31 , Kampung Pulau Tiga , Jalan Stesyen 35000 Tapah , Perak
No. Telefon	016 432 3856
Emel	baayah98@gmail.com
Kelulusan Akademik	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan
Kemahiran	Mahir dalam bidang pengurusan perniagaan
Pengalaman	Bekerja dalam bidang 'cleaning & service ' selama 3 tahun
Kursus Yang Dihadiri Serta Nama Penganjur	Malaysia Digital Economy Corporation Sdb. Bhd. (Agensi di bawah Kementerian Telekomunikasi & Multimedia)

4.0 RANCANGAN PENTADBIRAN

4.1 Jenis Struktur Organisasi berdasarkan bahagian fungsian

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah buat masa ini diuruskan oleh Siti NurBa'ayah dan dibantu oleh lima orang tenaga kerja . Memandangkan perkembangan perniagaan dijangka akan berlaku pada masa akan datang , perniagaan berhasrat untuk mengambil beberapa orang lagi tenaga kerja bagi membantu melancarkan operasi perniagaan kelak . Berikut merupakan carta organisasi bagi perniagaan .



4.2 Spesifikasi Tugas Pentadbiran

Berikut merupakan jadual huraian tugas bagi Perniagaan Sanitasi Ba'ayah :

JAWATAN	TUGAS
PENGURUS	1) Menyelaraskan perniagaan , baik secara dalaman mahupun secara luaran , dengan visi , misi dan objektif strategi perniagaan . 2) Mempunyai keseimbangan daya usaha dalaman dan daya usaha luaran untuk membina sebuah perniagaan yang boleh kekal .
KETUA OPERASI	1) Menyertai dalam pembangunan dan penyediaan pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang dan belanjawan berdasarkan matlamat organisasi yang luas dan objektif . Rekomen penerimaan mereka kepada pengurus . 2) Membangunkan dan menetapkan dasar operasi selaras dengan dasar dan matlamat pengurus dan menginsuranskan pelaksanaan yang mencukupi mereka . Menilai keputusan operasi keseluruhan kerap dan sistematik , dan laporan ini kepada pengurus .
KETUA KEWANGAN	1) Menyediakan bayaran gaji kepada pekerja lain . 2) Mengendalikan peruntukan .
KETUA PEMASARAN	1) Memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan perniagaan dapat dipasarkan dan boleh bersaing di pasaran sedia ada. 2) Memasarkan hasil keluaran dan perkhidmatan perniagaan.
STAF SOKONGAN 1	1) Mengawal dan mengenal pasti dasar dan misi perniagaan . 2) Mengawal selia dan memantau perjalanan perniagaan .
STAF SOKONGAN 2	1) Peningkatan kemahiran dalam memberikan perkhidmatan . 2) Mematuhi standard operasi , peraturan dan panduan kerja .

Gaji Pekerja

Jadual imbuhan atau gaji pekerja :

Nama	Gaji (RM)	Caruman KWSP (RM)	Caruman PERKESO (RM)	Jumlah (RM)
Pengurus	2 800	336	48.15	3 184.15
Ketua Operasi	1 900	228	32.35	2 160.35
Ketua Kewangan	1 900	228	32.35	2 160.35
Ketua Pemasaran	1 900	228	32.35	2 160.35
Staf Sokongan 1	1 700	204	28.85	1 932.85
Staf Sokongan 2	1 700	204	28.85	1 932.85
JUMLAH BESAR	11 900	1 428	202.90	13 530.90

4.3.1 Insentif Pekerja

Selain gaji asas , pekerja juga turut diberi insentif . Insentif yang dapat dinikmati oleh pekerja ialah :

(1) Cuti Sakit

- 10 hari cuti sakit dalam setahun beserta surat cuti sakit atau MC sama ada daripada klinik swasta atau kerajaan .

(2) Cuti Tahunan

- 8 hari cuti dalam tempoh setahun . Baki cuti tahunan yang tidak digunakan akan dinilai dan dibayar secara tunai .

(3) Bonus

- Bonus tunai sekali dalam setahun bagi pekerja yang telah berkhidmat selama 2 tahun dan ke atas .

4.4.1 Senarai Kelengkapan Pejabat dan Peralatan Perniagaan

Kelengkapan Pejabat

Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Komputer	2	1 200	2 400
Telefon dan mesin faksimiliti	1	2 000	2 000
Meja	4	120	480
Kerusi	8	90	720
Rak	2	250	500
Jumlah		3 660	6 100

Peralatan


Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Mesin sanitasi	3	350	1 050
Uniform pekerja	5	120	600
Jumlah		470	1 650

5.1 Senarai Jenis Perkhidmatan

- Pembersihan Sanitasi Rumah Asas : merangkumi ruang santai , bilik mandi dan bilik tidur .
- Pembersihan sanitasi rumah dan ruang pejabat .
- Pembersihan Sanitasi Pejabat : sanitasi kawasan kerja , kawasan umum , bilik , tandas , dapur dan kawasan kaunter .
- Pembersihan Sanitasi Perubatan : klinik dan hospital .

5.2 Carta Alir Proses Perkhidmatan

Berikut merupakan carta alir bagi proses pengeluaran perkhidmatan mengikut tempahan pelanggan :



5.3 Waktu Operasi Perniagaan

Perniagaan beroperasi seperti berikut :

Hari	Masa Operasi
Isnin - Khamis	9:30 pagi - 5:30 petang
Jumaat	10:00 pagi - 4:00 petang
Hari minggu & Cuti umum	Tutup

5.4 Spesifikasi Tugas Operasi

Jawatan	Tanggungjawab Utama
KETUA OPERASI	<ul style="list-style-type: none">● Mengawal selia sekumpulan pekerja .● Memastikan aktiviti operasi berjalan dengan lancar .● Menjadi penghubung antara pekerja dengan pihak atasan .
STAF SOKONGAN 1	<ul style="list-style-type: none">● Membersihkan , menyanitasi , menyahjangkit dan menyahbau ruang pejabat dan rumah .● Menentukan segala alat perabot di rumah atau pejabat pelanggan disusun dengan kemas .● Menjaga stok alat-alat sanitasi supaya ianya sentiasa lengkap dan cukup sepertimana sepatutnya .

5.5 Kedudukan Premis Perniagaan

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah beroperasi di alamat No. 25 , Jln Baldwin 2 , Pusat Perniagaan Baldwin , 35000 Tapah , Perak . Berikut merupakan kedudukan premis perniagaan :



Alasan Memilih Tapak Projek :

- Lokasi yang strategik kerana berada di kawasan pekan .
- Memudahkan proses penerimaan tempahan kerana tidak perlu ruang dan kawasan yang terlalu luas .

12

5.6 Keperluan Perniagaan


Perniagaan Sanitasi Ba'ayah menyediakan keperluan perniagaan yang lengkap dan secukupnya bagi memastikan operasi perniagaan berjalan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan .

Antara keperluan perniagaan yang dirancang adalah seperti berikut :

Bil.	Keperluan Perniagaan	Penerangan
1.	Tenaga Buruh Langsung	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah menyediakan tenaga buruh yang mencukupi berdasarkan keperluan operasi dan pemasaran perniagaan yang cekap .
2.	Mesin dan Peralatan	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah menentukan jenis mesin dan peralatan berdasarkan keperluan dalam carta aliran operasi. ● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah mengenalpasti pembekal mesin dan peralatan yang boleh dipercayai dari segi penentu harga , kualiti serta perkhidmatan selepas jualan .
3.	Bhan Mentah	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah mengetahui bahawa tiada bahan mentah diperlukan bagi perniagaan perkhidmatan sanitasi .
4.	Premis Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah telah menentukan untuk menyewa premis perniagaan di lokasi beralamat : No. 25 , Jln Baldwin 2 , Pusat Perniagaan Baldwin , 35000 Tapah , Perak . ● Peta lokasi premis perniagaan boleh dirujuk di muka surat 12 .
5.	Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah membeli 1 buah van secara sewa beli untuk tujuan pergi kerumah/pejabat pelanggan . ● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah mengenalpasti penjual kenderaan yang boleh dipercayai dari segi harga , kualiti , reputasi dan khidmat selepas jualan .

5.7 Susun Atur Ruang Operasi

Susun atur ruang operasi Perniagaan Sanitasi Ba'ayah seperti rajah di bawah :



5.8 Keperluan Bahan , Kos Peralatan , Kos Overhead dan Kos-kos Lain

5.8.1 Keperluan Bahan

Keperluan bahan untuk operasi Perniagaan Sanitasi Ba'ayah disenaraikan bagi mengelakkan pembaziran . Peruntukan perbelanjaan dijangka bertambah sebanyak 5% setahun disebabkan oleh faktor penambahan saiz pasaran atau kenaikan harga bahan .

Bahan	Unit/Bulan	Harga/Unit (RM)	Anggaran Sebulan (RM)	Anggaran Setahun (RM)
Cecair Sanitasi	40	45	1 800	21 600
Pakaian PPE	120	20	2 400	28 800
Sarung Tangan (100 helai)	4	17	68	816
Kertas A4 (100 keping)	2	11	22	264
Pelutup Muka (100 keping)	4	15	60	720
Alat Tulis	12	1.50	18	216
Jumlah			4 368	52 416

Kos Peralatan , Koa Overhead dan Kos-Kos Lain

	Perbelanjaan Bulanan (RM)	Perbelanjaan Sekali (RM)
--	----------------------------------	---------------------------------

<u>Aset</u>		
Kelengkapan pejabat	176	
Perabot	85	
Kenderaan (deposit 10%)	6 000	1 050
Mesin sanitasi		
<u>Perbelanjaan Bulanan</u>	11 900	
Gaji	1 428	
KWSP	203	
PERKESO	1 500	
Sewa premis	1 100	
Belanja utiliti		600
<u>Lain-Lain Perbelanjaan</u>		60
Uniform pekerja		200
Bayaran SSM		1 500
Bayaran lesen PBT		
Insurans dan cukai jalan kenderaan	150	
Belanja lain-lain		
	1 000	
<u>Belanja Kewangan</u>		
Bayaran pokok pinjaman (AGRO BANK 10%)	600	
Faedah atas pinjaman (6% , 10 tahun)	176	
	7	
Bayaran sewa beli alatan pejabat	643	3 000
Faedah sewa beli alatan pejabat	135	1 300
Bayaran sewa beli kenderaan		
Faedah sewa beli kenderaan		
Ubah suai premis perniagaan		
Insurans perniagaan		
Jumlah (RM)	25 103	7 710

Berikut merupakan kos perbelanjaan pembelian aset bukan semasa bagi Perniagaan Sanitasi Ba'ayah :

a) Kenderaan

Jenis	Kuantiti (unit)	Harga/unit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Van	1	60 000	60 000
Jumlah Besar (RM)		60 000	60 000

Kenderaan di atas diperolehi secara sewa beli dengan bayaran deposit sebanyak 10% dan kadar faedah sebanyak 3% bagi 7 tahun daripada Syarikat Mutu Sdn. Bhd.

Butiran	Harga (kos)	Bayaran Bulanan	Susutnilai (5% atas kos)
Kenderaan (7 tahun , 10%,3%)	60 000	Bayaran pendahuluan 10% =RM 60 000*10% =RM 6 000	RM 60 000*5% =RM 3 000
		Baki pinjaman kenderaan =RM 60 000 - RM 6 000 =RM 54 000	
		Bayaran bulanan pinjaman kenderaan (7 tahun=84 bulan) =RM 54 000/84 bulan =RM 642.86 / RM 643	
		Jumlah faedah tempoh pinjaman =RM 54 000*3%*7 tahun =RM 11 340	
		Bayaran bulanan faedah pinjaman =RM 11 340/84 bulan =RM 135	

17

b) Alatan Pejabat

Jenis	Kuantiti (unit)	Harga/unit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Komputer	2	1 200	2 400

Telefon dan mesin faksimiliti	1	2 000	2 000
Jumlah		3 200	4 400

Alatan pejabat di atas diperolehi secara sewa beli untuk tempoh 2 tahun dengan kadar faedah sebanyak 2% setahun .

Butiran	Harga Kos (RM)	Bayaran Bulanan	Susutnilai (5% atas kos)
Alatan Pejabat (2 tahun , 2%)	4 400	Bayaran bulanan pinjaman alatan pejabat (2 tahun=24 bulan) =RM4 400/24 bulan =RM183.33 / RM 183	RM4 400*5% =RM220
		Jumlah faedah tempoh pinjaman =RM 4 400*2%*2 tahun =RM 176	
		Bayaran bulanan faedah pinjaman =RM176/24 bulan =RM 7.33 / RM 7	

c) Perabot

Jenis	Kuantiti (unit)	Harga / unit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Meja	4	120	480

Kerusi	8	80	720
Rak	2	250	500
Jumlah Besar (RM)		460	1 700

Perabot di atas diperoleh secara sewa beli untuk tempoh 2 tahun dengan kadar faedah sebanyak 2% setahun .

Butiran	Harga Kos (RM)	Bayaran Bulanan	Susutnilai (5% atas kos)
Perabot (2 tahun , 2%)	1 700	Bayaran bualan pinjaman perabot (2 tahun=24 bulan) =RM1 700/24 bulan =RM70.83 / RM71	RM 1 700*5% =RM 85
		Jumlah faedah tempoh pinjaman =RM1 700*2%*2 tahun =RM68	
		Bayaran bulanan faedah pinjaman =RM68/24 bulan =RM2.83 / RM 3	

Berikut merupakan kos pinjaman yang dibuat daripada AGRO BANK sebanyak RM120 000 dengan kadar faedah sebanyak 6% selama tempoh 10 tahun oleh Perniagaan Sanitasi Ba'ayah :

Butiran	Harga Kos (RM)	Bayaran Bulanan
Perabot Pinjaman (AGRO BANK , 6% , 10 tahun)	120 000	Bayaran bulanan pokok pinjaman (10 tahun=120 bulan) =RM120 000/120 bulan =RM1 000
		Jumlah faedah tempoh bulanan =RM120 000*6%*10 tahun =RM72 000
		Bayaran bulanan faedah pinjaman =RM72 000/120 bulan =RM 600

5.9 Pengurusan Sumber Fizikal dan Teknologi

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah memastikan sumber fizikal dan teknologi diuruskan dengan baik dan sistematik seperti berikut :

Pengurusan Sumber	Prosedur Mengurus
Sumber Fizikal ✓ Bangunan dan kemudahan ✓ Mesin ✓ Stok	❖ Insurans pelbagai risiko dapat melindungi syarikat daripada pelbagai aspek seperti kecurian dan kebakaran . ❖ Penyelenggaraan premis , mesin , peralatan dan stok .
Sumber Teknologi ✓ Kemahiran dan pengalaman	❖ Tidak ada perkhidmatan yang boleh dipatenkan .

6.1 Analisis Industri (SWOT)

<p style="text-align: center;">KEKUATAN (STRENGTH)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kualiti perkhidmatan / produk sentiasa mementingkan kepuasan pelanggan . ● Lokasi yang strategik untuk akses mudah kepada bahan mentah dan pelanggan . ● Mengutamakan layanan yang terbaik kepada pelanggan semasa dan selepas perkhidmatan . ● Tenaga kerja merupakan mereka yang mempunyai kelayakan , kemahiran dan pengalaman tersendiri .
<p style="text-align: center;">KELEMAHAN (WEAKNESSES)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Persaingan dengan sebuah kedai yang menawarkan perkhidmatan yang hampir sama . ● Tenaga kerja yang sedikit mengurangkan daya saing di antara pekerja-pekerja .
<p style="text-align: center;">PELUANG (OPPORTUNITY)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Keadaan ekonomi yang stabil dapat meningkatkan kuasa pembelian dalam kalangan pelanggan . ● Kemajuan teknologi terkini membantu kemudahan di antara perniagaan dengan pembekal dan pelanggan .
<p style="text-align: center;">ANCAMAN (THREAT)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pesaing mempunyai pelanggan tetap mereka kerana telah lama beroperasi . ● Berlaku lambakan produk dari negara-negara pengeluar terbesar seperti China dan Thailand yang mana harga yang ditawarkan oleh mereka jauh lebih murah daripada produk tempatan .

Berikut adalah senarai beberapa pesaing bagi Perniagaan Sanitasi Ba'ayah beserta kekuatan dan kelemahan masing-masing :

Pesaing	Perkhidmatan	Kekuatan	Kelemahan
Syarikat Johari Bersih	Pembersihan bangunan dan pejabat .	Tempat yang strategik .	Harga perkhidmatan mahal .
Perniagaan Cuci Bersih Sha	Sanitasi dan pembersihan rumah .	Harga perkhidmatan murah .	Perkhidmatan kurang memuaskan pelanggan .
Syarikat Sanitasi Vinci	Sanitasi rumah dan ruang pejabat .	Mempunyai pelanggan tetap yang ramai .	Kekurangan tenaga kerja .

Sasaran Pemasaran

Sasaran pemasaran adalah bertujuan untuk memperkenalkan perkhidmatan perniagaan dan berusaha untuk memperolehi pelanggan yang seramai mungkin . Sasaran pelanggan utama adalah pelanggan yang menetap di sekitar premis perniagaan dan pelanggan yang bekerja di sekitar juga menjadi sasaran kami . Justeru itu , kami membina plan strategi pemasaran untuk mencapai objektif tersebut .

CAMPURAN PEMASARAN STRATEGI (4P)	
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none">● Menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan bersesuaian dengan pelanggan seperti menyanyitasi rumah , pejabat , sekolah dan lain-lain .● Menyediakan ruang menunggu yang selesa .● Memberikan layanan yang terbaik untuk pelanggan .
Harga	<ul style="list-style-type: none">● Mengenakan harga yang berpatutan .● Menyediakan promosi harga pada sebelum hari-hari perayaan .
Tempat	<ul style="list-style-type: none">● Perniagaan Sanitasi Ba'ayah berdekatan dengan kemudahan tempat letak kenderaan .● Berdekatan dengan pejabat-pejabat dan perumahan penduduk setempat .● Berdekatan dengan pusat membeli-belah dan pembekal .
Promosi	<ul style="list-style-type: none">● Memasang papan tanda yang dapat menarik pelanggan .● Mengiklankan perkhidmatan di media sosial .● Membuat promosi harga dan kupon pembukaan perniagaan .

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah merupakan harga yang berpatutan bagi setiap perkhidmatan . Harga yang ditawarkan adalah seperti berikut :

Bil. Perkhidmatan	Harga (RM)			
	Syarikat Johari Bersih	Perniagaan Cuci Bersih Sha	Syarikat Sanitasi Vinci	Perniagaan Sanitasi Ba'ayah
400	160 000	80 000	120 000	120 000
440	176 000	88 000	132 000	132 000
480	192 000	96 000	144 000	144 000
520	208 000	104 000	156 000	156 000
560	224 000	112 000	168 000	168 000
600	240 000	120 000	180 000	180 000

Strategi harga bagi Syarikat Johari Bersih , Perniagaan Cuci Bersih Sha dan Syarikat Sanitasi Vinci ialah :

Syarikat Johari Bersih

- RM 400 untuk sebuah rumah / pejabat .

Perniagaan Cuci Bersih Sha

- RM 200 untuk sebuah rumah / pejabat .

Syarikat Sanitasi Vinci

- RM 300 untuk sebuah rumah / pejabat .

Bil. Perkhidmatan	Harga (RM)		
	Syarikat Johari Bersih	Perniagaan Cuci Bersih Sha	Syarikat Sanitasi Vinci
400	160 000	80 000	120 000
440	176 000	88 000	132 000
480	192 000	96 000	144 000
520	208 000	104 000	156 000
560	224 000	112 000	168 000
600	240 000	120 000	180 000

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah meletakkan anggaran harga satu perkhidmatan sanitasi ialah RM300 setiap satu rumah / pejabat . Berikut merupakan sasaran jualan perkhidmatan bagi Perniagaan Sanitasi Ba'ayah :

Sasaran Jualan

Bulan	Bil. Perkhidmatan (rumah/pejabat)	Sasaran Jualan (RM)
Ogos 2021	400	120 000
September	440	132 000
Oktober	480	144 000
November	520	156 000
Disember	560	168 000
Januari 2022	600	180 000
Februari	640	192 000
Mac	680	204 000
April	720	216 000
Mei	760	228 000
Jun	800	240 000
Julai	840	252 000
JUMLAH	7 440	2 232 000

Sasaran Untung

Berikut merupakan sasaran untung perniagaan bagi tempoh satu tahun . Untung perniagaan dijangkan meningkat sebanyak 20% daripada sasaran jualan pada setiap bulan . Anggaran purata sasaran untung bulanan sebanyak RM 35 800 .

Bulan	Sasaran Untung (RM)
Ogos 2021	36 000
September	39 600
Oktober	43 200
November	46 800
Disember	50 400
Januari 2022	54 000
Februari	57 600
Mac	61 200
April	64 800
Mei	68 400
Jun	69 000
Julai	72 600
JUMLAH	663 600

Nama Perniagaan	Syer Perniagaan		
	2021	2022	2023
Perniagaan Sanitasi Ba'ayah	20%	35%	45%
Syarikat Bersih Johari	50%	45%	40%
Perniagaan Cuci Bersih Sha	10%	8%	8%
Syarikat Sanitasi Vinci	20%	12%	7%
JUMLAH	100%	100%	100%

7.0 RANCANGAN KEWANGAN

7.1 Menghitung Keperluan Modal Perniagaan

Jumlah Modal Keseluruhan (RM)	RM 150 000
Sumber Dalaman (10%)(RM)	RM 30 000*10% =RM 3 000 Simpanan Sendiri
Sumber Luaran (RM)	RM150 000 - RM30 000 =RM120 000 Nama Bank : AGRO BANK Jumlah Pinjaman : RM120 000 Kadar Faedah Pinjaman : 6% Tempoh Pinjaman :10 tahun

7.2 Penyata Kewangan Proforma

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Julai 2022

Butiran	RM	RM
Jualan		2 232 000
(-)Kos Jualan		
Belian Barang Niaga	52 416	
(-)Inventori Akhir (10% daripada barang niaga)	5 242	
Kos Jualan		47 174
Untung Kasar		2 184 826
(-)Belanja		
Gaji Pekerja (11 900*12)	142 800	
Caruman KWSP (1 428*12)	17 136	
Caruman PERKESO (203*12)	2 436	
Sewa Premis (1 500*12)	18 000	
Belanja Utiliti	13 200	
Promosi	3 500	
Papan Tanda Kedai	1 000	
Uniform Pekerja	600	
Bayaran SSM	60	
Bayaran Lesen PBT	200	
Insurans Kenderaan dan Premis	4 500	
Cukai Jalan	1 500	
Bayaran Pokok Pinjaman	12 000	
Faedah Atas Pinjaman	7 200	
Bayaran Ansuran Kenderaan	7 716	
Susut Nilai Kenderaan	3 000	
Bayaran Ansuran Alatan Pejabat	2 196	
Susut Nilai Alatan Pejabat	220	
Bayaran Ansuran Perabot	852	
Susut Nilai Perabot	85	
Kursus dan Latihan	4 000	
Petrol Kenderaan	24 000	
		266 201
Untung Bersih		1 918 625

	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa (aset tetap)</u>			
Kenderaan	60 000	3 000	57 000
Alatan Pejabat	4 400	220	4 180
Perabot	1 700	85	1 615
Mesin Sanitasi			1 050
			63 845
<u>Aset Semasa</u>			
Inventori Akhir		5 242	
Bank		1 999 538	2 004 780
			2 068 625
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Modal Awal			30 000
Tambah : Untung Bersih			1 918 625
Modal Akhir			1 948 625
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman			120 000
			2 068 625

Pendahuluan Kenderaan	6 000												
Bayaran Pokok Pinjaman	1 000												
Bayaran Sewa Beli Kenderaan	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86	642.86
Bayaran Sewa Beli Perabot	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83	70.83
Bayaran Sewa Beli Alatan Pejabat	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33	183.33
Perbelanjaan Pemasaran :													
Promosi	292	292	292	292	292	292	292	292	292	292	292	292	292
Jum. Aliran (tunai keluar)	33 916.76	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78	20 506.78
Lebihan/Kurangan	236 083.22	111 493.22	123 493.22	135 493.22	147 493.22	159 493.22	171 493.22	183 493.22	195 493.22	207 493.22	219 493.22	231 493.22	231 493.22
Baki h/b	236 083.22	347 576.44	471 069.66	606 562.88	754 056.10	913 549.32	1 085 042.54	1 268 535.76	1 464 028.98	1 671 522.20	1 891 015.42	2 122 508.64	2 122 508.64

8.0 PENUTUP

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah merupakan perniagaan yang menjalankan perkhidmatan sanitasi . Di Malaysia , perkhidmatan sanitasi jarang dilakukan oleh kaum melayu . Perkhidmatan ini dibuat secara rumah ke rumah . Perniagaan Sanitasi Ba'ayah mengambil peluang ini untuk memperkenalkan perkhidmatan sanitasi . Masyarakat di Malaysia juga kini semakin sedar tentang kebersihan tempat kerja dan rumah perlu dijaga bagi mengelakkan kotoran yang melampau . Disebabkan faktor-faktor tersebut , Perniagaan Sanitasi Ba'ayah mempunyai peluang yang tinggi untuk maju dalam perkhidmatan sanitasi .

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah manjangkakan permintaan perkhidmatan sanitasi yang tinggi . Perniagaan ini menggunakan 50% mesin dan 50% tenaga buruh dalam perkhidmatan sanitasi setiap hari . Penggunaan mesin sanitasi untuk membersih telah membantu meningkatkan kecekapan proses membersih serta menjimatkan masa untuk membersih . Penggunaan mesin ini juga dapat memaksimumkan kualiti kebersihan yang dijalankan oleh Perniagaan Sanitasi Ba'ayah .

Memandangkan Perniagaan Sanitasi Ba'ayah ini baru memulakan perniagaan , perniagaan ini memerlukan sokongan dan bantuan daripada agensi luar dari segi kewangan . Perniagaan Sanitasi Ba'ayah telah mendapatkan bantuan daripada AGRO BANK sebanyak RM 120,000 .

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah menawarkan pelbagai insentif yang menarik kepada para pekerja seperti cuti sakit , cuti tahunan dan bonus .

Perniagaan Sanitasi Ba'ayah menjangkakan bahawa perniagaan ini akan menjadi salah satu perkhidmatan membersih yang terbesar di Tapah , Perak pada 5 tahun akan datang . Perniagaan ini juga mensasarkan keuntungan sehingga RM4 juta menjelang 2030 . Perniagaan Sanitasi Ba'ayah akan mengembangkan lagi perniagaan ke seluruh Malaysia dan membuat banyak lagi perkhidmatan membersih . Perniagaan ini akan memenuhi cita rasa pelanggan di seluruh Malaysia .

9.0 LAMPIRAN